

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Penting: Sila baca Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Kad Debit BSN Visa. Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat Kad Debit BSN Visa yang tersedia di www.bsn.com.my. Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau Terma dan Syarat Kad Debit BSN Visa.

**BANK SIMPANAN NASIONAL****PRODUK: KAD DEBIT BSN VISA****TARIKH :** _____**1. Apakah produk ini?**

Kad Debit BSN Visa adalah satu instrumen pembayaran yang membolehkan pemotongan terus dibuat daripada akaun simpanan anda untuk pembelian barang dan perkhidmatan di institusi perniagaan runcit dan perkhidmatan melalui rangkaian Visa atau di mana-mana rangkaian Bank Simpanan Nasional (BSN).

Kad Debit BSN Visa juga membolehkan anda membuat pengeluaran wang tunai dari mana-mana Mesin Teler Automatik (ATM) BSN, MEPS dan Visa PLUS di seluruh dunia. Pemegang Kad perlu mengekalkan akaun simpanan/semasa di BSN supaya dapat dihubungkan dengan Kad Debit BSN Visa anda. Sekiranya Pemegang Kad menutup akaun simpanan/semasa ini, sebarang transaksi melalui Kad Debit BSN Visa tidak dapat dilakukan. Pemegang Kad hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit BSN Visa sebelum menandatangani borang permohonan dan penggunaan Kad Debit.

Kad Debit BSN Visa (bagi akaun Islamik) adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah Ujrah (yuran sebagai balasan ke atas perkhidmatan yang disediakan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan).

2. Apakah ciri-ciri unik pada Kad Debit BSN Visa?

Kad Debit BSN Visa merupakan kad pertama di BSN yang menawarkan kemudahan pembayaran dengan MyDebit, Visa dan Visa payWave yang membolehkan Pemegang Kad menikmati kebebasan transaksi tanpa tunai secara cepat, mudah dan selamat untuk membayar perbelanjaan harian anda.

3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?➤ **Penerimaan di Seluruh Dunia**

Kemudahan untuk pembayaran bagi barang dan perkhidmatan di seluruh dunia di premis perniagaan yang memaparkan logo Visa atau Mydebit. Anda juga boleh menggunakan kad ini untuk pembelian secara atas talian, pendaftaran pembayaran auto-bil dan apa-apa pembelian melalui pesanan mel-telefon di seluruh dunia.

➤ **Pengeluaran Tunai**

Anda boleh melakukan pengeluaran wang tunai di dalam dan di luar negara di lebih 1.4 juta mesin ATM yang memaparkan logo BSN, MEPS atau Visa Plus.

➤ **Diskaun dan Keistimewaan**

Menikmati pelbagai ganjaran dan keistimewaan termasuk diskauan dan tawaran dari BSN dan Visa dari semasa ke semasa.

➤ **Penggunaan Visa payWave/ MyDebit Tanpa Sentuh**

Hanya imbas untuk pembayaran yang cepat, mudah dan selamat di mana sahaja terdapat logo Visa payWave atau MyDebit di seluruh negara /dunia. PIN mungkin perlu dimasukkan untuk transaksi RM250 dan ke atas.

➤ **Rekod Transaksi Dalam Talian**

Semak rekod transaksi anda melalui laman perbankan BSN di www.mybsn.com.my. Anda hanya perlu mendaftar akaun di dalam talian melalui laman web myBSN.

➤ **Ciri-ciri Keselamatan**

- Kad ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan Cip Pintar Europay, Mastercard dan Visa (EMV) sedia ada.
- Khidmat pesanan ringkas (SMS) akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan tanpa sebarang kos sebagai notifikasi apabila anda melakukan transaksi yang mencapai kriteria-kriteria tertentu atau melebihi jumlah had yang ditetapkan oleh BSN. Sila pastikan nombor telefon bimbit terkini anda berdaftar dengan BSN.
- Untuk melaporkan kehilangan atau kecurian kad, segera hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN atau/dan anda boleh membatalkan kad anda melalui Perbankan Internet myBSN atau lawati mana-mana cawangan BSN.

➤ **Transaksi berkaitan tol**

- Kad Debit BSN Visa ditetapkan secara automatik untuk membayar tranksaksi berkaitan tol dengan mengimbas Kad Debit BSN Visa pada terminal pembayaran. Pilihan cara pembayaran tol menggunakan Kad Debit BSN Visa akan diusahakan oleh Touch n' Go Group dengan kebenaran pembayaran secara tertunda, yang mana berpotensi menyebabkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa sebenar transaksi.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Butiran	Caj/Yuran
Yuran Tahunan <ul style="list-style-type: none"> a. BSN GIRO/-i <ul style="list-style-type: none"> i. Dewasa ii. Remaja iii. Biasiswa b. BSN GIRO/-i eSaver c. BSN Basic Saving/i d. BSN GIRO/-i Premium <p><i>Nota: Yuran tahunan akan dikenakan pada tarikh ulang tahun Kad. Ia tidak akan dikenakan pada tahun yang sama Kad dikeluarkan kepada Ahli Kad.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Seperti dibawah: <ul style="list-style-type: none"> i. RM8 ii. RM5 iii. RM1 b. Dikecualikan c. Dikecualikan d. RM8
Pengeluaran Kad Baru <ul style="list-style-type: none"> a. BSN GIRO/-i <ul style="list-style-type: none"> i. Dewasa ii. Remaja iii. Biasiswa b. BSN GIRO/-i eSaver c. BSN Basic Saving/i d. BSN GIRO/-i Premium 	<ul style="list-style-type: none"> a. Seperti dibawah: <ul style="list-style-type: none"> i. RM12 ii. RM5 iii. RM5 b. RM12 c. RM12 d. RM12
Pembaharuan Kad	Dikecualikan
Yuran Penggantian Kad (jika terpakai) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Untuk kerosakan kad disebabkan kecuaian Ahli Kad, hilang atau dicuri ▪ Cip kad rosak 	RM12 Dikecualikan
Pengeluaran Tunai ATM <p>Domestik</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ ATM BSN ▪ ATM di Bank Tempatan yang lain melalui MEPS ▪ ATM di Bank Asing melalui MEPS <p>Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rangkaian ATM melalui VISA PLUS 	Dikecualikan RM1 setiap pengeluaran tunai RM1 setiap pengeluaran tunai RM12 setiap pengeluaran tunai
Pertanyaan Baki ATM	Dikecualikan
Rekod Transaksi (Bagi 2 bulan terakhir) Perbankan Dalam Talian @ www.mybsn.com.my	Dikecualikan
Pemindahan Wang melalui ATM kepada bank-bank ahli MEPS	RM0.50 setiap transaksi (bagi transaksi RM5,000 ke atas)
Yuran Permintaan Semula Slip Jualan (jika terpakai)	RM15 setiap salinan
Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit (Tarikh Kuat Kuasa 1 Julai 2022)	RM0.50 setiap transaksi di mana-mana rakan niaga/peruncit MyDebit terpilih. (Had pengeluaran sebanyak RM500 untuk setiap transaksi)
Bayaran Penukaran untuk Urus Niaga Luar Negara (jika terpakai)	Mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh VISA tambah yuran transaksi dikenakan oleh VISA (bersamaan dengan 1%)

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Kad Debit BSN Visa anda adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

5. Apakah terma utama?

- **Penetapan had pengeluaran tunai dan had pembelian harian**
 - Had harian pengeluaran telah ditetapkan pada RM5,000 bagi Akaun Dewasa dan RM200 bagi Akaun Remaja. Anda boleh menetapkan had pengeluaran tunai di ATM BSN atau di mana-mana cawangan BSN sehingga maksimum RM5,000 sehari bagi Akaun Dewasa dan RM500 bagi Akaun Remaja.
 - Had pembelian harian telah ditetapkan pada RM3,000 bagi Akaun Dewasa dan RM200 bagi Akaun Remaja. Anda boleh menetapkan had pembelian harian melalui ATM BSN, Perbankan Internet myBSN, ataupun di mana-mana cawangan BSN sehingga maksimum RM10,000 bagi Akaun Dewasa dan RM500 bagi Akaun Remaja.

- **Pembelian atas talian atau transaksi luar negara**
 - Anda perlu mengaktifkan fungsi pembelian atas talian atau transaksi luar negara apabila anda perlu menggunakan sahaja bagi mengurangkan risiko transaksi dan pengeluaran wang yang tidak sah. Pengaktifan dan penyahaktifan boleh dibuat melalui ATM BSN, Perbankan Internet myBSN, Pusat Perhubungan Pelanggan BSN ataupun di mana-mana cawangan BSN.
 - Anda dinasihatkan supaya berwaspada terhadap risiko-risiko transaksi tidak sah sekiranya anda mengaktifkan fungsi transaksi luar negara dan pembelian atas talian.
 - Anda dinasihatkan untuk melayari laman sesawang yang selamat apabila melakukan sebarang pembelian atas talian.
- **Transaksi tanpa sentuh (*contactless transaction*)**
 - Setiap transaksi tanpa sentuh dihadkan kepada RM250 bagi Akaun Dewasa, RM200 bagi Akaun Remaja, dan jumlah transaksi terkumpul adalah terhad kepada jumlah maksimum tertentu yang ditetapkan oleh BSN dan tertakluk kepada had pembelian harian. Anda boleh mengurangkan had ini atau membatalkan fungsi pembayaran tanpa sentuh di mana-mana Cawangan BSN. Had yang dinyatakan di sini tidak terpakai untuk transaksi berkaitan tol.
- **Caj Pra-kebenaran**
 - Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan didebitkan dari akaun simpanan anda yang dihubungkan dengan Kad Debit BSN Visa apabila anda membuat bayaran petrol di Terminal Pam Luar. Perbezaan jumlah asal dari pra-caj yang dikenakan akan dikembalikan kepada akaun anda setelah penyelesaian dilakukan oleh peniaga selepas dari T (transaksi + 3 hari bekerja). Anda dinasihatkan untuk membuat transaksi di kaunter juruwang untuk mengelakkan dari jumlah pra-kebenaran dikenakan.

6. Apakah tanggungjawab saya?

- a. Anda hendaklah menandatangani di belakang Kad Debit BSN Visa sebaik sahaja menerima kad dan mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit BSN Visa.
- b. Anda hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit BSN Visa anda dan melindungi kad dan nombor PIN anda pada setiap masa. Ini termasuklah perkara berikut:
 - i. Tidak mendedahkan butiran Kad Debit BSN Visa dan PIN anda kepada orang lain.
 - ii. Jangan menulis nombor PIN anda pada Kad Debit BSN Visa atau menyimpan bersama-sama dengan Kad Debit BSN Visa anda.
 - iii. Tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, lesen memandu atau nombor telefon sebagai PIN atau kata laluan.
 - iv. Tidak membentarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit BSN Visa dan PIN anda.
 - v. Tidak meninggalkan Kad Debit Visa BSN anda tanpa penjagaan.
- c. Sebarang kehilangan, kecurian Kad Debit BSN Visa atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga dan penggunaan kad tanpa kebenaran hendaklah dilaporkan dengan segera kepada BSN dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300-88-1900 atau +603-2613 1900 (luar negara).
- d. Anda harus memberitahu pihak BSN dengan kadar segera sejurus menerima SMS berkaitan dengan transaksi yang tidak dibenarkan.
- e. Anda haruslah memberitahu pihak BSN sekiranya terdapat pertukaran nombor telefon.
- f. Anda adalah bertanggungjawab untuk memastikan jumlah wang di dalam akaun adalah mencukupi sebelum melakukan sebarang urus niaga.
- g. Semak rekod transaksi anda dari masa ke masa melalui www.mybsn.com.my untuk memastikan urusniaga yang dilaksanakan adalah betul dan maklumkan kepada BSN secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh transaksi jika terdapat sebarang kesilapan atau ketinggalan. Jika tidak, transaksi tersebut akan dianggap tepat.
- h. Ahli kad hendaklah menggunakan Kad Debit BSN Visa secara bertanggungjawab dan tidak disalahgunakan bagi mana-mana aktiviti tidak sah atau menyalahi undang-undang; menggunakan kad untuk transaksi perjudian melalui internet dan menggunakan kad untuk transaksi yang dilarang berdasarkan garis panduan Syariah (terpakai untuk akaun Islamik).

7. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Anda diwajibkan untuk menjalankan langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit BSN Visa dan/atau PIN anda. Jika anda gagal berbuat demikian, anda akan bertanggungjawab atas kerugian daripada e-perbankan, debit terus atau kad transaksi tidak sah dan tidak terhad kepada yang berikut:-

- a. Anda akan bertanggungjawab atas transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda telah:
 - i. melakukan penipuan; atau
 - ii. menangguhkan dalam memberitahu pihak BSN secepat yang mungkin setelah menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran pada Kad Debit BSN Visa anda; atau
 - iii. secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
 - iv. merekodkan PIN anda pada Kad Debit BSN Visa, atau menyimpan PIN berhampiran dengan Kad Debit BSN Visa anda.
- b. Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda telah:
 - i. melakukan penipuan; atau
 - ii. menangguhkan dalam memberitahu pihak BSN secepat yang mungkin setelah menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran pada Kad Debit BSN Visa anda; atau
 - iii. meninggalkan Kad Debit BSN Visa anda atau item yang mengandungi Kad Debit BSN Visa anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - iv. secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit BSN Visa anda.

8. Apakah risiko utama?

Anda dinasihatkan untuk memaklumkan kepada BSN dengan kadar segera sebaik sahaja anda menyedari Kad Debit BSN Visa anda hilang/dicuri atau ada transaksi yang tidak sah telah dilakukan menggunakan Kad Debit BSN Visa anda bagi membolehkan BSN menyekat penggunaan dari kad tersebut dengan serta merta.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada BSN dengan kadar segera jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat anda diterima tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini maklumat peribadi di mana-mana cawangan BSN atau menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300-88-1900.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

- i. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Kad Debit BSN Visa, sila layari laman web www.bsn.com.my. Untuk sebarang aduan rasmi atau pertanyaan lanjut, sila hubungi/faks/tulis kepada BSN di:

Jabatan Perniagaan Kad & Merchant

Bank Simpanan Nasional

Tingkat bawah, Blok A,

117 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur.

Faks : 03-2162 2659

Pusat Perhubungan Pelanggan BSN

Tel : 1300-88-1900 or 03 2613 1900 (Dari luar negara)

Faks : +603-2613 1888

Emel : customercare@bsn.com.my

Nota : Pusat Perhubungan Pelanggan BSN beroperasi bermula jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam. Selepas 10.00 malam panggilan anda akan dihubungkan ke Sistem Respon Interaktif Suara bantuan bagi laporan kehilangan dan kecurian kad dan penggunaan kad di luar negara.

- ii. Jika jawapan BSN untuk pertanyaan atau aduan anda tidak memuaskan, anda juga boleh mengemukakan aduan anda kepada LINK Bank Negara Malaysia atau BNMLINK:

BNMLINK

Jabatan Komunikasi Korporat,

Bank Negara Malaysia,

P.O.Box 10922,

50929 Kuala Lumpur.

Tel : 1-300-88-5465 (Waktu operasi: Isnin – Jumaat: 9.00 pagi – 5.00 petang)

eLink (borang dalam laman sesawang) : <https://telelink.bnm.gov.my>

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai Jun 2024.